

29 Oktober, 1981

PM tak cadang lantik Hakim Negara ketua Suruhanjaya Pilihanraya

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri tidak bercadang melantik Hakim Negara untuk mengetuai Suruhanjaya Pilihanraya bagi kerja-kerja mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman menegaskan demikian di Dewan Rakyat hari ini, sewaktu menjawab pertanyaan Encik Lee Kaw (DAP-Keluang).

Katanya, mengikut perlembagaan, kuasa mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya parlimen dan negeri terletak kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Adalah didapati, tambahnya, tanggungjawab berkenaan dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dengan adil dan saksama.

"Seperti semua pihak sedia maklum, Suruhanjaya Pilihanraya ialah sebuah badan yang bebas dan berkecuali.

"Yang demikian, Perdana Menteri tidak bercadang melantik Hakim Negara untuk mengetuai Suruhanjaya Pilihanraya bagi kerja-kerja mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri," katanya. *—antel*